

Majlis Fatwa tegah pameran hantu, jin dan keranda

KUALA TERENGGANU 12 April - Majlis Fatwa Kebangsaan menegah pengajuran pameran hantu, jin dan keranda yang mendapat sambutan hangat di kalangan masyarakat ketika ini kerana ia boleh menjurus kepada haram apabila memudaratkan akidah umat Islam.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Profesor Datuk Dr. Abdul Shukor Husin berkata, keputusan itu dibuat ekoran pameran seumpama itu berkaitan perkara ghaib yang hakikatnya tidak boleh dicapai oleh akal manusia.

Beliau berkata, majlis fatwa juga tidak mahu umat Islam terus disogok dengan perkara-perkara tahyul dan khurafat yang tidak diketahui oleh manusia.

"Isu mengenai pameran hantu, jin dan keranda yang dipaparkan di akhbar-akhbar sering menimbulkan pertikaian.

"Perkara ini ditegah dan kita tidak membenarkan pameran ini dianjurkan kerana ia boleh menjadi makruh dan seterusnya haram apabila mendatangkan mudarat kepada akidah," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Fatwa Kebangsaan Ke-77 di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Abdul Shukor menasihatkan mana-mana pihak yang ingin menganjurkan pameran seperti itu supaya tidak berbuat demikian kerana pada pandangan agama, ia tidak mendatangkan sebarang faedah.

Beliau memberitahu, mesyuarat tiga hari yang berakhir hari ini turut menetapkan penggunaan nada dering berupa ayat al-Quran dan azan di telefon bimbit adalah harus dan dibenarkan dengan syarat penggunaanya menjaga adab serta kesucian ayat-ayat tersebut.